



# TANYA JAWAB



- T* Bagaimanakah caranya untuk memartabatkan bahasa Melayu? (Soalan ditanyakan oleh Siti Adriana dari Institusi Raffles)
- J* Pada pandangan saya, untuk memartabatkan bahasa Melayu, kita perlu melihat sikap sendiri terhadap bahasa Melayu itu sendiri. Bagaimana kita memartabatkan bahasa Melayu sebenarnya berbalik kepada sikap kita.

Cara yang paling penting bagi saya ialah bagaimana kita berkomunikasi, berinteraksi dan berhubung dalam rumah kita sendiri menggunakan bahasa Melayu. Kalau di luar rumah kita menggunakan bahasa Inggeris, tetapi di dalam rumah kita perlu tekal menggunakan bahasa Melayu sekerap mungkin.

Ibu bapa sanggup berkorban dan memberikan yang terbaik bagi anak-anak dan mereka menganggap mempelajari bahasa Inggeris itu penting bagi '*survival*'. Saya menganjurkan agar ibu bapa juga bersikap serupa dalam memastikan anak-anak mempelajari bahasa Melayu untuk tujuan '*survival*'. Apabila kita memastikan anak-anak mempelajari dan menggunakan bahasa Melayu, kita sebenarnya mengukuhkan jati diri kita sebagai bangsa dan penutur bahasa Melayu, berbudaya Melayu.

Selain itu, jika dihidupkan kembali suasana kebudayaan dalam majlis-majlis keramaian seperti semasa majlis perkahwinan dan pertunangan, acara-acara persembahan hadrah atau kompong dan sebagainya, boleh membangkitkan rasa cinta dan sayang pada bahasa dan budaya sendiri. Dalam acara pertunangan, budaya pantun boleh dihidupkan kembali.

Di Negara Brunei, Dewan Bahasa dan Pustaka menyokong usaha agar para belia digalakkan untuk menghayati budaya dan bahasa Melayu. Hal ini disokong oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan agar para belia menghayati budaya dan bahasa Melayu.

Di Singapura, para guru digalakkan untuk terus menggalakkan penggunaan bahasa Melayu. Para guru boleh menggunakan kaedah yang lebih terkini



seperti menggunakan IT agar dapat meningkatkan minat pelajar terhadap pembelajaran bahasa Melayu. Saya menganjurkan agar gunakanlah bahasa Melayu yang benar sekerap yang mungkin ketika berinteraksi dan galakkanlah pelajar untuk menggunakan bahasa dengan betul dan benar.

*T* Saya Abdollah Lamat dari Sekolah Menengah Ahmad Ibrahim. Dewan Bahasa dan Pustaka yang manakah telah menjalankan borang tinjauan tersebut yang disebutkan dalam ceramah tadi? Saya ingin merujuk kepada halaman 11, slaid 22. Berapakah responden bagi tinjauan yang dilakukan?

*J* Borang tinjauan tersebut dijalankan oleh Persekutuan Bahasa Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia. Dalam tinjauan tersebut, 30 orang guru bertindak sebagai responden dari pelbagai bidang. MABBIM telah menjalankan borang tinjauan ini untuk dibuka kepada guru-guru bahasa Melayu dalam pelbagai bidang sama ada kosa kata yang digunakan boleh diterima.

*T* Saya Cikgu Mohammad Thahirudin dari KGMS. Saya ingin menyentuh sedikit tentang apa yang dikatakan oleh Puan Hajah Aminah berkenaan 'kata berlapis'. Namun hari ini dikatakan bahawa kaedah penggunaan 'kata berlapis' merupakan satu kelemahan berbanding budaya sekarang yang lebih gemar menggunakan pendekatan 'berterus terang'. Dikatakan juga bahawa penggunaan kata berlapis tidak tepat. Adakah jika kita terus-menerus menggunakan pendekatan 'kata berlapis' ini kita dan budaya kita akan terpinggir dan terkebelakang?

*J* Bagi saya, memang perlu kita mempelajari bahasa-bahasa berlapis kerana penggunaan tersebut melambangkan budaya dan jati diri kita sebagai orang Melayu. Namun, kita juga harus realistik dalam menjelaskan hal tersebut kepada orang-orang muda. Pengajaran kata berlapis masih perlu dalam konteks penggunaan yang tertentu. Tidak bermakna dengan mempelajari kata berlapis, kita akan ketinggalan zaman.

Penggunaan bahasa berlapis perlu dihidupkan semula dan kami di Brunei



masih kuat memegang dan mempelajari hal tersebut kerana kaitannya dengan budaya sangat kuat dan rapat. Kami amat mementingkan hal-hal adat istiadat.

Saya dapati anak-anak muda sekarang juga menggunakan ‘kata berlapis’. Cuma bezanya, mereka menggunakan perlambangan seperti bunga atau gambar bunga untuk melahirkan rasa cinta.



## DAYANG HAJAH AMINAH BINTI HAJI MOMIN



